



Tahap Penguasaan	Tafsiran	Menguasai (✓ / ✗)
Tahap 1	Mengenal pasti seni arca Barat dalam bidang Seni Halus	
Tahap 2	Menjelaskan aliran, gaya, pengaruh dan karya dalam seni arca Barat berdasarkan abad pilihan.	



Soalan Padanan PAK-21 Rotating Review

Nama :	Kelas :
--------	---------

Arahan : Padankan pasangan di bawah teknik dan bentuk arca.

arca timbunan	arca binaan	arca luakan	arca bergerak / arca mobil
arca replika	arca dinding	arca asemblaj	arca acuan

Bil.	Teknik arca	Bentuk arca
1.	Bentuk arca dihasilkan daripada binaan struktur asas melalui cantuman bahan-bahan tertentu seperti batu, kayu, logam, simen, plastik, kaca dan kertas.	
2.	Arca yang dihasilkan dengan membuang atau mengurangkan bahagian-bahagian tertentu. Teknik mengukir bahan seperti batu, kayu, lilin, sabun, tanah liat dan sebagainya untuk membentuk arca.	
3.	Arca yang dihasilkan dengan mencipta bentuk tiga dimensi (3D) yang tersembul keluar daripada permukaan dua dimensi (2D) yang rata atau dipahat ke dalamnya. Ia adalah kombinasi antara ciri catan dengan arca. Menggunakan bahan seperti kayu, plaster of paris, simen, kepingan besi dan sebagainya.	
4.	Dikenali sebagai seni kinetic kerana kemampuannya untuk bergerak, berputar atau berombak. Boleh bergerak kerana cantuman hidup pada bahagian sendi-sendinya. Bahan yang digunakan seperti besi, kepingan logam, kad bod, dan bahan-bahan yang ringan.	
5.	Arca yang dihasilkan berdasarkan objek sebenar. Biasanya terdapat di persimpangan atau bulatan jalan raya sebagai mercu tanda dan merupakan daya tarikan di kawasan tersebut.	
6.	Sebuah catan yang dihasilkan di atas permukaan kayu yang dibentuk khas. Ia adalah hasil gabungan catan atau ukiran dengan arca. Kelihatan seperti catan jika dilihat dari pandangan hadapan tetapi kelihatan timbul apabila dilihat dari sudut tepi atau sisi.	
7.	Terbentuk hasil cantuman bahan buangan yang disatukan untuk dibina satu reka bentuk tiga dimensi (3D). Menggunakan bahan terpakai seperti kayu, logam, besi, kertas keras dan sebagainya.	
8.	Terhasil daripada model acuan yang disediakan dalam kuantiti yang banyak. Menggunakan cecair yang dituang ke dalam acuan untuk menghasilkan bentuk arca. Contoh bahan seperti lilin, simen, tanah liat, plaster of paris, fiber glass dan sebagainya.	